

25/09/2002

Bajet 2003 tumpu pelbagai aspek

Salleh Majid

SETIAP usahawan wajar meneliti Bajet 2003 dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 September lalu. Banyak peruntukan dibuat yang memberikan peluang kepada pelbagai jenis usahawan. Didahului oleh pendidikan dengan peruntukan terbesar sebanyak 27 peratus daripada jumlah keseluruhan bajet iaitu sebanyak RM109.8 bilion, lain-lain bidang seperti sumber manusia, sukan, keusahawanan, pertanian, perumahan, teknologi maklumat dan komunikasi serta pelancongan juga menerima peruntukan yang banyak.

Usaha 'satu kampung satu industri' memang suatu perancangan yang boleh meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang terkaya di dunia. Ia juga membuka peluang kepada usahawan untuk mencadangkan sesuatu yang sesuai dengan kehendak pasaran dan kemampuan warga kampung. Kalau industri ditubuhkan tanpa mengambil kira keperluan pasaran sama ada tempatan atau luar negara, nescaya kita akan menghadapi keadaan pengeluaran yang berlebihan dan tidak digunakan.

Sebaliknya, usaha ini dapat sedikit sebanyak membendung penghijrahan beramai-ramai masyarakat kampung ke bandar. Di sini jugalah sektor swasta boleh memainkan tugas penting dengan menjadi penaja kepada beberapa kampung atau industri tertentu. Misalnya pasar raya besar seperti Giant atau Tesco membantu dalam pengedaran hasil pertanian dengan menyediakan pusat pemprosesan untuk menggred, membungkus dan melabel hasil yang dikeluarkan.

Di bidang landskap pula, misalnya penghuni setiap taman perumahan ada yang perlukan rumput untuk laman rumah, kolam ikan perhiasan, pasu dan pokok bunga serta bagi kawasan yang luas kolam mandi. Penghasilan landskap ini juga boleh dijadikan suatu industri.

Bajet kali ini juga memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar. Sejumlah RM2.56 bilion diperuntukkan terutama sekali berkaitan pembangunan infrastruktur.

Berita baik bagi usahawan kecil dan sederhana yang modal berbayar syarikat mereka berjumlah RM2.5 juta ke bawah ialah penurunan cukai syarikat daripada 28 peratus kepada 20 peratus. Ini dijangka membantu penjana pertumbuhan ekonomi yang menjadi strategi kerajaan mengembalikan peranan menggalakkan pertumbuhan ekonomi kepada sektor swasta.

Bagi mereka yang menjadi kontraktor binaan nilai kelas mereka sudah dinaikkan supaya mereka boleh melakukan kerja yang bernilai lebih tinggi. Begitu banyak pembinaan prasarana yang diperlukan dalam pelbagai kementerian. Sejumlah RM621 juta diperuntukkan bagi Kementerian Sumber Manusia untuk mengurus 29 Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Kemahiran.

Ini memberi peluang kepada usahawan dalam bidang latihan untuk mengendalikan kursus latihan di bawah skim latihan dan latihan semula untuk penganggur. Sebanyak RM410 juta diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk membaik pulih kemudahan di 25 Institut Kemahiran Belia manakala Kementerian Pembangunan Usahawan pula diberikan peruntukan sebanyak RM355 juta bagi menubuhkan 33 Institut Kemahiran Mara buat melatih 49,600 pelatih di pelbagai peringkat.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga menerima tambahan peruntukan daripada RM200 juta kepada RM400 juta. Ini selaras hasrat menjadikan pelancongan sebagai salah satu sektor penyumbang tukaran asing yang tertinggi.

Promosi keluar negara boleh diperhebatkan lagi dengan meningkatkan koordinasi dengan lain-lain organisasi seperti Penerbangan Malaysia dan pejabat pejabat Kementerian Luar.

Nampaknya kedatangan pelancong dari Timur Tengah meningkat selepas 11 September tahun lalu dan dengan langkah Amerika Syarikat mengenakan langkah lebih ketat dalam pengeluaran visa, Malaysia tentu sekali dalam kedudukan yang baik untuk menarik mereka ini.

Peluang di bidang kesihatan juga besar. Pembinaan 25 hospital baru, peningkatan 47 hospital lama dan 383 klinik luar bandar dan 81 klinik kesihatan juga akan didirikan.

Selaras usaha kerajaan untuk meningkatkan bidang teknologi maklumat dan komunikasi peruntukan sebanyak RM2.1 bilion diberikan kepada Malaysian Venture Capital Management Bhd dan Malaysian Debt Ventures Berhad.

Geran sebanyak RM1 bilion diperuntukkan untuk syarikat kecil dan sederhana dalam bidang bukan teknologi maklumat dan komunikasi melalui syarikat modal teroka, Malaysian Venture Capital Management Berhad.

Sudah berkali-kali kita diingatkan mengenai anjakan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan diperlukan sekiranya kita ingin berdaya saing dalam pasaran global. Barang-barang yang kita hasilkan wajar meningkat daripada segi mutu dan mencerminkan aplikasi ilmu pengetahuan. Misalnya dalam bidang pendidikan pendaftaran pelajar dan pemantauan pergerakan dan prestasi mereka boleh dilakukan dengan menggunakan smart card tanpa bersusah payah beratur berjam-jam.

Begitu juga jabatan yang mempunyai kaunter melayan orang ramai seperti imigresen yang sentiasa sesak atau perkhidmatan tukar hak milik harta yang memakan masa bertahun-tahun. Jabatan pengangkutan juga boleh menggunakan alat pengesan untuk mengesan kereta yang mungkin dicuri atau yang tidak mempunyai cukai jalan yang sah.

Di sektor pengilangan pula, barang-barang yang dieksport tidak semestinya mampu bersaing hanya kerana harga murah saja tetapi berkualiti tinggi dan bernilai tambah. Misalnya getah patut digunakan untuk menghasilkan lebih banyak lagi barang-barang buatan getah dan mengelakkan kita membeli barang siap yang dibuat daripada getah mentah yang kita eksport.

Begitu juga kayu-kayan yang boleh digunakan untuk menghasilkan lebih banyak barang buatan kayu. Begitu juga barang makanan.

Mengurangkan tumpuan daripada pelaburan asing bermakna tanggung jawab penggerak pertumbuhan ekonomi terletak kepada syarikat tempatan dan pengguna berbelanja. Tidak ada gunanya mempunyai kadar simpanan sehingga 40 peratus kalau ekonomi kita meleset. Keseimbangan antara simpanan dan perbelanjaan diperlukan begitu juga antara simpanan dan pelaburan.